

**D.R. 18/97**

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

**RANG UNDANG-UNDANG**

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta-Akta Tafsiran 1948 dan 1967; untuk mengesahkan perbuatan yang dilakukan menurut peruntukan Akta-Akta itu; dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

[            ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Tafsiran (Pindaan) 1997. Tajuk ringkas.
2. Dalam Akta ini, "Akta ibu" ertinya Akta-Akta Tafsiran 1948 dan 1967. Pengertian "Akta ibu".  
Akta 388.
3. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), (3), (4) dan (5), Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada hari ia disiarkan dalam *Warta*. Permulaan kuatkuasa.

(2) Seksyen 4, 6, 8, 9, 10 dan 11 hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 18 Mei 1967 dan peruntukan-peruntukan yang dimasukkan melalui seksyen-seksyen itu hendaklah masing-masingnya disifatkan telah menjadi suatu bahagian integral tajuk panjang dan seksyen 15, 20, 23, 25 dan 27 Akta ibu mulai dari tarikh itu.

(3) Apa-apa perbuatan yang dilakukan atau yang berupa sebagai telah dilakukan menurut atau di bawah kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 20, 23, 25 dan 27 Akta ibu hendaklah disifatkan telah dilakukan dengan sah walaupun seksyen-seksyen itu tidak, pada masa perbuatan itu dilakukan, mengandungi peruntukan-peruntukan yang dimasukkan melalui seksyen 8, 9, 10 dan 11.

(4) Subseksyen (3) tidaklah menyentuh apa-apa hak yang diberikan atau relif yang diperoleh oleh mana-mana orang menurut kuasa apa-apa keputusan mahkamah yang diumumkan sebelum tarikh Akta ini disiarkan.

(5) Perenggan 5(1)(a) dan 5(1)(c) hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 24 Jun 1994.

Pindaan  
tajuk  
panjang.

4. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan tajuk panjang dengan tajuk panjang yang berikut:

"An Act to provide for the commencement, application, construction, interpretation and operation of written laws; to provide for matters in relation to the exercise of statutory powers and duties; and for matters connected thereto."

Pindaan  
seksyen 3.

5. (1) Seksyen 3 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan takrif "Lord President" dengan takrif yang berikut:

' "Chief Justice" means the Chief Justice of the Federal Court;';

(b) dengan memasukkan selepas takrif "penghulu" takrif yang berikut:

' "Peninsular Malaysia" means the States of Johore, Kedah, Kelantan, Malacca, Negeri Sembilan, Pahang, Penang, Perak, Perlis, Selangor and Terengganu and the Federal Territory of Kuala Lumpur;';

- (c) dalam takrif "Rules Committee", dengan menggantikan perkataan "Supreme Court" dengan perkataan "Federal Court, the Court of Appeal";
- (d) dengan memotong takrif "West Malaysia"; dan
- (e) dengan menggantikan takrif "writing" dengan takrif yang berikut:

' "writing" or "written" includes type-writing, printing, lithography, photography, electronic storage or transmission or any other method of recording information or fixing information in a form capable of being preserved;'

(2) Segala sebutan tentang "Malaysia Barat" dalam mana-mana undang-undang bertulis hendaklah disifatkan sebagai sebutan tentang "Semenanjung Malaysia".

6. Seksyen 15 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan  
seksyen 15.

- (a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan "Schedule" dengan perkataan "Long title, preamble and schedules";
- (b) dengan menggantikan perkataan "Every" dengan perkataan "The long title and preamble and every"; dan
- (c) dengan menggantikan perkataan "thereto" dengan perkataan "to the schedules".

7. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 17 seksyen yang berikut:

Seksyen  
baru 17A.

17A. In the interpretation of a provision of an Act, a construction that would promote the purpose or object underlying the Act (whether that purpose or object is expressly stated in the Act or not) shall be preferred to a construction that would not promote that purpose or object."

“Regard to be had to the purpose of Act.

Pindaan  
seksyen 20.

8. Seksyen 20 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Subsidiary" dengan perkataan "Notwithstanding the absence of any express provision in any Act or other written law, where such Act or other written law empowers any person to make subsidiary legislation, such subsidiary".

Pindaan  
seksyen 23.

9. Seksyen 23 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

"(1A) For the purposes of subsection (1), any subsidiary legislation made under an Act is not inconsistent with that Act or any other Act merely by reason of the absence in the Act under which it is made of any provision relating to the commencement, application, operation, interpretation or construction of the subsidiary legislation or to any other matter in connection with such subsidiary legislation if provisions relating to the commencement, application, operation, interpretation or construction of, or other matter in connection with, subsidiary legislation generally are contained in this Act."

Pindaan  
seksyen 25.

**10.** Seksyen 25 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "enabling," perkataan "whether in the Act or other written law under which it is made or under this Act and".

Pindaan  
seksyen 27.

**11.** Seksyen 27 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Subsidiary legislation may provide for persons guilty of offences thereunder" dengan perkataan "Notwithstanding the absence of any express provision in any Act or other written law, subsidiary legislation may provide that contravention of any provision of the subsidiary legislation shall constitute an offence and for persons guilty of such offence".

**12.** Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 62 seksyen yang berikut:

Seksyen baru 62A.

“Use of electronic means or medium.

62A. Where under any written law any information is permitted or required to be given or kept or maintained, and no means or medium is specified, such information may be given or kept or maintained by electronic means and on electronic medium if the identity of the person giving the information or the source of any information given by such means is capable of being determined or verified, and if sufficient precautionary measures have been applied to prevent unauthorised access to any information recorded or fixed by such means or on such medium.”.

---

#### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta-Akta Tafsiran 1948 dan 1967 ("Akta 388").

#### *Pindaan-pindaan berhubung dengan perundangan subsidiari*

2. Pada 18 Disember 1996 Mahkamah Persekutuan, dalam kes *Wong Pot Heng dengan Hj. Rosli bin Haji Kamaruddin dan Kerajaan Malaysia* ("kes Wong Pot Heng") memutuskan bahawa peruntukan seksyen 20 Akta 388 tidak membolehkan perundangan subsidiari dijadikan berkuatkuasa secara kebelakangan jika tiada peruntukan yang nyata dalam Akta yang di bawahnya perundangan itu dibuat yang membenarkan kuatkuasa kebelakangan sedemikian.

3. Sejak seksyen 20 Akta 388 mula berkuatkuasa pada 18 Mei 1967, banyak perundangan subsidiari yang telah dijadikan berkuatkuasa secara kebelakangan. Proviso kepada seksyen itu melindungi seseorang daripada penalti bagi perbuatan yang dilakukan sebelum tarikh perundangan subsidiari itu disiarkan.

4. Selama ini Kerajaan berpendapat bahawa seksyen 20 Akta 388 cukup jelas untuk membolehkan perundangan subsidiari yang berkuatkuasa secara kebelakangan dibuat dan kuatkuasa seksyen itu belum pernah dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah di Malaysia sehinggalah keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Wong Pot Heng*.

5. Keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes Wong Pot Heng menjadikan perlu suatu pindaan dibuat kepada seksyen 20, khususnya, dan kepada seksyen 23 dan 25 Akta 388 untuk memperjelas bahawa jika kuasa diberikan dalam mana-mana undang-undang bertulis untuk membuat perundangan subsidiari, perundangan itu boleh dijadikan (tertakluk kepada proviso yang tersebut di atas) berkuatkuasa secara kebelakangan walaupun tiada peruntukan nyata yang bermaksud sedemikian dalam undang-undang bertulis yang di bawahnya perundangan itu dibuat. Pindaan-pindaan ini adalah terkandung dalam *fasal 8, 9, dan 10* Rang Undang-Undang ini.

6. *Fasal 11* mengandungi pindaan kepada seksyen 27 Akta 388 untuk memperjelas bahawa ruang lingkup seksyen itu meliputi pewujudan kesalahan di bawah perundangan subsidiari.

*Pindaan berhubungan dengan pentafsiran undang-undang bertulis*

7. Pindaan kepada tajuk panjang Akta 388 (sebagaimana yang dicadangkan dalam *fasal 4*) bertujuan memperjelas bahawa ruang lingkup Akta 388 tidaklah terhad semata-mata kepada erti perkataan yang digunakan dalam undang-undang bertulis.

8. *Fasal 6* Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda seksyen 15 Akta 388 untuk memperjelas bahawa mukadimah dan tajuk panjang sesuatu Akta adalah menjadi sebahagian daripada Akta itu. Sungguhpun selama ini kedua-duanya telah diterima sebagai sebahagian daripada sesuatu Akta, namun Akta 388 tidak mengandungi peruntukan yang nyata yang bermaksud sedemikian.

9. *Fasal 7* Rang Undang-Undang ini bertujuan memasukkan seksyen baru 17 A ke dalam Akta 388 yang memperuntukkan bahawa sesuatu Akta perlu ditafsirkan dengan memberinya tafsiran yang akan menjayakan maksud di sebalik Akta itu.

*Pindaan-pindaan lain*

10. Rang Undang-Undang ini juga bertujuan meminda beberapa takrif dalam seksyen 3 Akta 388.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada takrif "Lord President" (yang akan dipinda menjadi takrif "Chief Justice") dan kepada takrif "**R**ules Committee" ialah pindaan-pindaan berbangkit ekoran pindaan-pindaan yang dibuat kepada Perlembagaan Persekutuan dalam tahun 1994.

Pindaan kepada takrif "West Malaysia" ialah pindaan yang berbangkit daripada penubuhan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam tahun 1974. Selain menambahkan Wilayah Persekutuan Kuala

Lumpur kepada takrif itu, pindaan itu juga mencadangkan supaya istilah "West Malaysia" digantikan dengan istilah "Peninsular Malaysia" untuk mencerminkan penggunaan semasa.

Pindaan kepada takrif "writing" adalah dicadangkan untuk memudahkan penggunaan cara elektronik dalam perakaman maklumat.

Matlamat untuk memudahkan penggunaan cara elektronik adalah juga sebab di sebalik seksyen baru 62A yang dicadangkan (dalam *fasal 12*).

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U<sup>2</sup>) 1997.]